

TARIKH	SELASA, 2 APRIL 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	NRES TELITI GUBAL UDANG-UDANG ATASI MASALAH PENCEMARAN PLASTIK
M/S	6
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

NRES teliti gubal undang-undang atasi masalah pencemaran plastik

Kota Samarahan: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang meneliti penggubalan undang-undang bagi mengatasi masalah pencemaran plastik.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata meskipun pelbagai peraturan sudah diperkenalkan sejak 2018 seperti pelan ke arah kelestarian plastik dan pelan pengurangan plastik sekali guna, ia dilihat masih agak perlahan dan kurang berkesan.

Beliau berkata, ia mungkin disebabkan peraturan yang dibuat itu tidak sesuai untuk dilaksanakan di tempat tertentu.

“Misalnya peraturan yang dibuat itu sesuai di Kuala Lumpur tetapi tidak di tempat lain seperti di Sarikei (Sarawak) atau Pensiangan (Sabah).

“Sebab itu kita kena bertindak segera dengan melihat dan memperbaiki kerangka dasar perundangan sedia ada berhubung penggunaan plastik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Laluan ke Nuetraliti Plastik: Tindakan Kolaboratif dan Penyelesaian Inovatif di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor UNIMAS, Prof Dr Ahmad Hata Rasit dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Hijau, Shahrinaz Maamor.

Nik Nazmi berkata, dasar ber-



Nik Nazmi (kiri) mendengar penerangan mengenai Program Laluan ke Nuetraliti Plastik: Tindakan Kolaboratif dan Penyelesaian Inovatif di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), semalam. (Foto Nadim Bokhari/BH)

hubung penggunaan plastik memang sudah ada di peringkat nasional, bagaimanapun pelaksanaan dari segi arahan atau perundangan tertakluk kepada peraturan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Sebab itu, kita kena tengok semula mungkin masih adakah ruang untuk kita meneliti perkara ini di peringkat nasional supaya usaha kita untuk mengatasi masalah pencemaran plastik lebih berkesan,” katanya.

Beliau berkata, banyak lang-

kah diperkenalkan sebelum ini seperti menggalakkan penggunaan plastik mudah urai, namun ia juga tidak berkesan kerana plastik berkenaan tidak terurai sendiri secara semula jadi.

“Mungkin juga selepas ini kita galakkan penggunaan kertas pula kerana masalah plastik kini semakin kritikal misalnya kuantiti plastik di dalam sungai terlalu banyak sehingga menyumbang berlakunya banjir,” katanya.

Mengenai usaha untuk menga-

tasi penurunan paras air di beberapa empangan susulan cuaca panas melampau, Nik Nazmi berkata, pembenihan awan belum dijalankan ketika ini kerana inisiatif itu bergantung kepada kesesuaian keadaan cuaca, awan serta angin.

“Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sudah bersedia untuk melaksanakannya, namun operasi pembenihan awan itu berpandukan nasihat Jabatan Meteorologi (METMalaysia),” katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM